

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1: LATARBELAKANG MASALAH

Sesungguhnya kejatuhan Daulah Othmaniah di Turki telah meninggalkan pelbagai implikasi negatif kepada umat Islam seluruhnya.Kejatuhannya bukan sahaja mengakibatkan umat Islam pada zaman mutakhir ini kehilangan daulah dan maruah tetapi juga hampir-hampir meragut agama dan keimanan mereka.

Ekoran dari itu, umat Islam semakin hilang keagungannya.Prestasi keimanan mereka hari demi hari merosot justeru kerana tiadanya daulah yang menjadi "model" dan "lembayung" yang dapat memayungi ummah.

"Sindrom" aqidah yang tidak kental dan keimanan yang tidak mantap ini telah berlanjutan hingga kini dan seandainya fenomena ini dibiarkan berterusan tanpa sebarang langkah yang positif,sudah pasti iman dan aqidah yang kita miliki selama ini akan tergadai.

Menyedari hakikat dan realiti inilah maka penulis terdorong untuk membahaskan latihan ilmiah ini di bawah tajuk "Persoalan Targhib dan Tarhib Menurut Perspektif

Aqidah Islamiah". Penulis mengharapkan latihan ilmiah yang dibentangkan ini akan dapat meniupkan semula sensitiviti atau kepekaan kita umat Islam terhadap Targhib dan Tarhib yang wujud di dalam Al-Quran dan Al-Hadith.

Pada pengamatan dan hemat penulis, iman yang mantap dan aqidah yang mendalam adalah merupakan rangsangan dalaman yang paling hebat dan mampu untuk memotivasikan seorang muslim supaya mengabdikan diri secara total kepada Allah s.w.t.

Umat Islam kini harus membuat penilaian semula tentang keimanan masing-masing terhadap janji-janji dan peringatan Allah dan RasulNya. Penilaian ini boleh diukur dan dilihat melalui sikap kita terhadap persoalan targhib dan tarhib serta membandingkan iman kita dengan iman Rasulullah, para sahabat dan salafussoleh.

Penulis amat optimis bahawa dengan keimanan yang jitu dan aqidah yang mutlak kepada Allah s.w.t. akan dapat membantu umat Islam untuk membina semula peribadi muslim, keluarga muslim, masyarakat muslim dan seterusnya membangunkan semula negara Islam tempatan dan

antarabangsa yang sekaligus akan mengangkat martabat ummah.

Lantaran itu, pada hemat penulis, sensitiviti atau kepekaan yang tinggi haruslah dibangun dan dimiliki dalam setiap jiwa umat Islam kini khususnya dalam menghadapi persoalan Targhib dan Tarhib.

1.2: PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

Sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa tajuk yang akan diteliti dan dikaji oleh penulis ialah "Persoalan Targhib Dan Tarhib Menurut Perspektif Aqidah Islamiah".

Oleh itu bagi menjelaskan tajuk ini, penulis ingin memberikan definisi dan pengertian tajuk di atas satu persatu.

Perkataan "*persoalan*" adalah satu bentuk ungkapan yang menjelaskan tentang sesuatu permasalahan atau problem. Ianya boleh diertikan juga sebagai konsepsi sebenar sesuatu perkara. Ia diambil daripada katapokok "*soal*" yang bererti tanya. Walaubagaimanapun yang dimaksudkan di sini

adalah satu permasalahan.¹

Manakala "targhib" pula adalah bererti galakan, rangsangan, motivasi dan janji baik kepada umat manusia supaya mereka senantiasa mempertingkatkan ketaqwaan dan peribadatan mereka kepada Allah s.w.t. Tegasnya sebarang bentuk perangsang dan janji-janji baik kepada umat manusia adalah targhib. Contohnya galakan supaya ikhlas dalam setiap amalan, amanah dan sebagainya.²

Perkataan "tarhib" pula adalah bermaksud amaran dan peringatan Allah s.w.t. kepada manusia supaya mereka senantiasa menghindarkan diri masing-masing daripada melakukan sebarang kejahatan dan kemaksiatan lahir dan batin. Contohnya amaran supaya menjauhi sifat riya' dan sebagainya.³

Kedua-dua konsep ini akan dihuraikan dan dikembangkan lagi oleh penulis dalam bab kedua nanti.

¹Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dwi Bahasa, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 957.

²Munziri, Al-Zaki Al-Deen, Al-Targhib wal Tarhib Min Al-Hadith Al-Syarif, Jilid 1, Darul Fikri, m.s. 38.

³op.cit. m.s. 38

Manakala perkataan "menurut" pula membawa erti mengikut. "Perspektif" adalah berasal dari perkataan Inggeris iaitu "perspective" yang memberi makna pandangan, perkiraan dan pentafsiran yang wajar.⁴

Perkataan "aqidah" adalah berasal daripada bahasa Arab iaitu yang bererti perjanjian dan ikatan.⁵ Dari sini bolehlah kita katakan dan tegaskan bahawa Aqidah Islamiah adalah keyakinan dan kepercayaan yang teguh, bersih dan bebas dari sebarang bentuk syirik dan kufur serta meyakini kekuasaan Allah dalam mentadbir alam ini.⁶

Kesimpulannya, tajuk yang akan diteliti oleh penulis adalah tentang konsep janji-janji baik Allah s.w.t. dan peringatan-peringatannya kepada manusia menurut penilaian Aqidah Islamiah.

⁴Dewan Bahasa Dan Pustaka, op.cit, m.s. 905.

⁵Al-Razi, Al-Mukhtar Al-Shahah, Kaherah, 1937, m.s. 444.

⁶Abu Urwah, Risalah Usrah, Jilid.1, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1988, m.s. 18.

Bertitiktolak daripada tajuk yang jitu dan padu ini, penulis ingin membuat rumusan-rumusan terhadap masalah yang diteliti sekali lagi. Masalah tersebut adalah seperti berikut:

1. Konsepsi sebenar janji-janji baik dan peringatan Allah s.w.t. kepada umat manusia sejagat.
2. Kaitan dan hubungan antara targhib dan tarhib dengan Aqidah Islamiah dan ibadah serta teori motivasi yang wujud di dalam ilmu pengurusan moden pada hari ini.
3. Pengaruh kedua-dua konsepsi ini terhadap umat Islam dan jemaah-jemaah Islam yang ada di Malaysia khususnya Al-Tabligh dan Al-Arqam.

1.3: TUJUAN KAJIAN

Sebenarnya penulis mempunyai pelbagai objektif, matlamat dan tujuan tersendiri di dalam meneliti persoalan targhib dan tarhib ini. Di antaranya adalah seperti berikut:

1. Penulis ingin mengkaji dan mengetahui sikap sebenar umat Islam terhadap targhib dan tarhib ini. Ekoran dari itu penulis akan mengemukakan satu gagasan cadangan yang konkrit dan padu kepada umat Islam khususnya di tanahair kita ini supaya senantiasa peka dan mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadith yang menyentuh tentang kedua-dua persoalan ini.

2. Penulis berhasrat untuk membuat suatu "comparative" (perbandingan) di antara umat Islam pada zaman mutakhir ini dengan sikap umat Islam yang hidup pada zaman Rasulullah s.a.w. dan safussoleh. Dengan ini penulis akan dapat meniupkan kesedaran dan membangkitkan motivasi di kalangan umat Islam kini supaya mencontohi keimanan orang-orang terdahulu dari mereka.

3. Penulis juga bertujuan untuk mengkaji dan meneliti secara cermat tentang sejauh mana wujudnya hubungan dan konteksi di antara kedua-dua persoalan ini dengan Aqidah Islamiah. Dari sini penulis akan menegaskan bahawa keimanan adan juga aqidah yang mendalam adalah merupakan rangsangan dalaman kepada seseorang muslim.

4. Di samping itu, tujuan penulis mengkaji tajuk dan persoalan ini adalah untuk mengunngkapkan hubungan kedua-dua konsep ini dengan ibadah itu sendiri. Dalam hal ini, penulis akan menginterpretasikan ibadah itu dalam bentuk yang global dan menyeluruh supaya dengan itu umat Islam akan dapat mengabdikan diri kepada Allah secara lebih positif setelah dirangsangkan oleh targhib dan tarhib.

5. Pengkajian ini juga bertujuan untuk membuktikan bahawa konsep motivasi yang ada di dalam ilmu pengurusan moden dan dipopularkan oleh cerdik pandai barat pada hari ini adalah merupakan imbasan konsep targhib dan tarhib yang ada di dalam Al-Quran dan Al-Hadith.

Dengan kata lain, para cerdik pandai dan orientalis barat sebenarnya amat terpengaruh dengan kedua-dua konsep ini. Justeru itu mereka mengambil, mengubahsuai dan

kemudiannya mencanangkan bahawa teori itu adalah merupakan ciptaan dan penemuan mereka sendiri.

6. Penelitian ini juga bertujuan untuk mengukur dan menilai pengaruh yang wujud di dalam jamaah-jamaah Islam khususnya Al-Arqam dan Al-Tabligh dalam mempraktikkan kedua-dua konsep ini dalam soal ibadah dan dakwah yang mereka perjuangkan.

7. Tujuan kajian ini juga adalah sebagai pembuka dan perintis jalan kepada para penulis dan pengkaji Islam yang lain untuk memperincikan kedua-dua persoalan yang telah dibincangkan oleh penulis secara lebih baik, tersusun dan efektif.

8. Di samping itu penelitian dan pengkajian ini adalah sebagai satu latihan ilmiah yang diwajibkan oleh pihak fakulti bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin.

Sebagai kesimpulan, penulis ingin menegaskan bahawa tujuan dan objektif yang telah digaris dan dipaparkan di atas, jelaslah bahawa persoalan targhib dan tarhib ini adalah merupakan persoalan yang penting dan amat wajar dikaji dan diteliti daripada pelbagai aspek khususnya daripada perspektif Aqidah Islamiah itu sendiri.

1.4: METHOD KAJIAN

Methodologi adalah bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian"⁷. Ia berasal dari bahasa Yunani "methodos" yang bererti cara⁸, dan "logos" yang bererti ilmu. Jadi methodologi adalah bererti ilmu tentang cara. Suatu penelitian akan lebih tinggi mutunya apabila method-method yang dipakai tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya.

Dalam membuat penelitian ini, penulis telah menggunakan beberapa method. Method-method itu dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

1. Method penentuan subjek
2. Method pengumpulan data
3. Method analisa data

1. Method Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek penelitian ini, penulis telah menggunakan method sampling iaitu dengan cara penulis menentukan bahawa Jemaah Arqam dan Tabligh sebagai sample penelitian.

⁷ Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIB- IKIP, Yogyakarta, 1982, m.s. 51.

⁸ Koentjaraningrat, Metode-metode Penelitian Masyarakat, Penerbit P.T Gramedia, Jakarta, 1977, m.s. 16.

Dengan menggunakan method ini penulis akan mengkaji sudut-sudut historis(sejarah) sample berkenaan dan cuba untuk membuat beberapa kesimpulan yang bersifat umum. Di samping itu penulis juga akan menitikberatkan pengaruh targhib dan tarhib di kalangan ahli-ahli jamaah tersebut yang menjadi objek kepada penelitian ini.

2. Method Pengumpulan Data

Penelitian adalah usaha-usaha yang dibuat dengan cara mengumpulkan data dan mentafsirkan data yang terkumpul.⁹ Dalam usaha untuk mendapatkan fakta dan data, penulis telah menggunakan method-method berikut:

1. Method Historis

Method historis adalah bererti "suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian."¹⁰ Penggunaan method ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah.

⁹Dr. Abd. Halim Mat Diah, Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1987, m.s. 111.

¹⁰Imam Barnadib, op. cit., hal 52.

Method ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan data tentang :

- 1. Latarbelakang masalah
- 2. Latarbelakang pemilihan jemaah-jemaah sebagai sample penelitian.
- 3. Pengaruh targhib dan tarhib di dalam jamaah-jamaah tersebut.

Bagi mendapatkan data yang bersifat sejarah, penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji dan diteliti. Interview-interview juga dibuat untuk mendapatkan maklumat dan data.

2. Method Dokumentasi

Method dokumentasi adalah bererti cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti.¹¹ Dokumen adalah bererti "benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan."¹²

Kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, gambar-gambar dan sebagainya.¹³

¹¹Dr. Abd. Halim Mat Diah, op. cit., m.s. 115.

¹²Imam Barnadib, op. cit., m.s. 55.

¹³Ibid.

Penggunaan method ini adalah untuk melakukan kajian terhadap:

1. Latarbelakang masalah dalam bab 1
2. Menentukan subjek tertentu sebagai sample penelitian dalam bab 3
3. Kajian terhadap targhib dan tarhib dalam bab 2

3. Method Interview (Temubual)

Method interview (temubual) adalah bererti cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari responden dan ia dilakukan secara berdepan antara satu sama lain bagi memperolehi data dan maklumat yang diperlukan untuk kajian dan penyelidikan ini.¹⁴

Interview(temubual) ini adalah dalam bentuk yang tersusun di mana penulis terlebih dahulu akan menyediakan soalan-soalan yang hendak dikemukakan iaitu interview(temubual) secara formal. Walaubagaimanapun terdapat interview(temubual) yang dilakukan secara informal.

¹⁴Koentjaraningrat, op.cit, m.s. 129.

Tujuan interview (temubual) ini dibuat adalah untuk mendapatkan data tentang:

1. Penulisan tentang latarbelakang masalah.
2. Menguji andaian-andaian yang dibuat sebelum ini.
3. Mendapatkan keterangan yang lebih lanjut mengenai perkara-perkara yang ada di dalam dokumen.

Sebelum interview ini dijalankan, penulis telah mengambil langkah tertentu bagi melancarkan interview dan terjaminnya kebenaran penyelidikan ini.

Langkah tersebut adalah penyusunan instrumen riset yang bererti alat yang digunakan dalam penelitian.

Penulis juga telah menyusun sejumlah interview guide. Interview guide ini dibuat dalam tiga kelompok. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada para informen dan responden yang akan ditemubual. Interview guide adalah seperti berikut:

1. Interview guide yang digunakan dalam interview dengan pemimpin-pemimpin jamaah Islam yang berkenaan.

2. Interview guide dengan ahli-ahli biasa jemaah berkenaan.

3. Interview guide dengan para ulamak.

Setelah memastikan para informen dan responden yang akan diinterview, penulis terus menginterview mereka di tempat-tempat yang telah dijanjikan. Semasa melakukan interview ini, penulis telah menggunakan tape recorder sebagai alat perakam suara bagi membantu kelancaran interview.

4. Method Observasi

Selain dari method historis, method dokumentasi dan method interview, penulis juga menggunakan method observasi. Method observasi adalah bererti cara pengumpulan dengan melaksanakan pengamatan secara langsung terhadap objek kajian. Method ini termasuklah pengalaman penulis sendiri yang berhubung dengan masalah yang dikaji.¹⁵

¹⁵Dr. Abd. Halim Mat Diah, op. cit., m.s. 129.

Penggunaan method observasi dalam penelitian ini akan melengkapi dan mengemaskinikan lagi pengkajian. Observasi ini dilakukan oleh penulis untuk mengetahui pengaruh targhib dan tarhib kepada Jamaah Tabligh dan Al-Arqam.

Di samping itu dengan pengalaman penulis juga adalah merupakan bahagian yang terpenting daripada penggunaan method ini. Pengalaman-pengalaman yang dimaksudkan itu adalah seperti pernah menjadi ahli atau anggota kepada kedua-dua jemaah berkenaan dan juga kekerapan bertukar-tukar pikiran dengan rakan-rakan yang ada di dalam kedua-dua jemaah ini.

5. Kajian Perpustakaan.

Penulis juga menggunakan bahan bacaan daripada perpustakaan sebagai pembuka jalan kepada kajian yang lebih efektif. Penulis telah mendapat bahan-bahan bacaan daripada beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Masjid Negara, Perpustakaan Pusat Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Fakulti Islam UKM dan Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga bahan bacaan yang dipinjam oleh penulis daripada individu-individu tertentu bagi melancarkan kajian ini.

3. Method Analisa Data

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan method analitis deskriptif kualitatif di mana dengan ini secara langsung method-method berikut digunakan:

- 1. Method Induktif
- 2. Method Deduktif
- 3. Method Komparatif

1. Method Induktif

Method induktif adalah bererti sesuatu cara menganalisa data melalui "pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum."¹⁶ Oleh itu salah satu cara yang digunakan oleh penulis ialah memaparkan fakta dan data yang bersifat khusus seterusnya membuat kesimpulan-kesimpulan umum.

¹⁶ Imam Barnadib, op.cit, hal. 52.

Penggunaan method-method ini banyak digunakan pada bahagian-bahagian berikut:

1. Latarbelakang masalah dalam bab 1
2. Targhib dan tarhib melalui Al-Quran dan Al-Hadith
3. Penentuan jemaah-jemaah yang tertentu yang dijadikan sample penelitian dalam bab 3
4. Membuat kesimpulan dan saranan dalam bab 5.

2. Method Deduktif

Di samping method induktif, penulis juga menggunakan method deduktif. Method deduktif adalah bererti cara menganalisa berdasarkan kepada "pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus"¹⁷

Bahagian-bahagian yang menggunakan cara atau method ini ialah:

1. Penentuan jemaah-jemaah tertentu yang dijadikan sample penelitian, dalam bab 3.
2. Membuat kesimpulan dalam bab 5 iaitu bab penutup.

¹⁷Imam Barnadib, op. cit., hal. 52.

3. Method Komparatif

Method komparatif adalah bererti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dan ditemui semasa penelitian dilakukan. Segala data yang diperolehi dikumpul dan dibanding-bandingkan secara adil dan saksama untuk dibuat kesimpulan.¹⁸

Method komparatif ini dipakai dalam bahagian berikut:

- 1. Pembentangan mengenai targhib dan juga tarhib di dalam Al-Quran dan Al-Hadith.
- 2. Penentuan jamaah-jamaah tertentu sebagai sample penelitian.
- 3. Menganalisa pengaruh targhib dan tarhib di dalam jamaah-jamaah tersebut.
- 4. Membuat kesimpulan tentang targhib dan tarhib menurut perspektif aqidah dan ibadah.

¹⁸Dr. Abd. Halim Mat Diah, op. cit, hal. 136.

1.5 MASALAH KAJIAN

Sepanjang melakukan pengkajian dan penelitian terhadap "Persoalan Targhib dan Tarhib Menurut Perspektif Aqidah Islamiah" ini, penulis telah menghadapi pelbagai masalah dan tribulasi yang menyukarkan.

Antara permasalahan tersebut adalah seperti terdanya bahan-bahan rujukan dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang membicarakan secara khusus tentang persoalan Targhib dan Tarhib. Setakat ini hanya sebuah kitab yang ditemui iaitu kitab "Al-Targhib Wal-Tarhib Min Al-Hadith Al-Syarif" oleh Al Munziri yang menyentuh persoalan ini. Namun begitu, Al-Munziri hanya mengungkapkan hadis-hadis Targhib dan Tarhib sahaja tanpa membuat sebarang interpretasi dan huraian yang mendalam mengenainya.

Di samping itu, penulis menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data dan maklumat yang konkrit untuk mengukur sejauh mana pengaruh Targhib dan Tarhib ini di dalam Jamaah Tabligh dan Al-Arqam. Ini menyebabkan penulis terpaksa melaksanakan pelbagai methodologi seperti observasi yang berterusan, wawancara yang berkali-kali dan

sebagainya. Maklumat tentang latarbelakang sejarah Al-Arqam lebih mudah didapati berbanding dengan Tabligh yang tiada catatan mengenainya.

Kéadaan ini lebih menyulitkan penulis, apabila latihan ilmiah mengenai mengenai targhib dan tarhib ini perlu dikupas dan dibahaskan menurut "perspektif Aqidah Islamiah". Tajuk ini mungkin agak mudah dan tidak mencabar seandainya dibicarakan dalam skop Dakwah Islamiah atau Pendidikan Kepada Ummah.

Meskipun pelbagai masalah, tribulasi dan cabaran yang dihadapi oleh penulis dalam rangka usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini, namun penulis bersyukur kerana akhirnya ia dapat juga disiapkan. Bagi penulis, "genggam bara api, biar sampai jadi arang".

1.6: SINOPSIS

Dalam membincangkan tajuk ini, penulis telah mengkategorikan perbincangan kepada lima bab yang utama iaitu:

Bab Pertama: Pendahuluan

Bab Kedua : Targhib Dan Tarhib di dalam Al Quran dan Al-Hadith

Bab Ketiga: Pengaruh Targhib dan Tarhib terhadap jamaah-jamaah Islam dan teori motivasi serta penerimaan manusia terhadap kedua-dua konsep ini.

Bab Keempat: Hubungan Targhib dan Tarhib dengan aqidah dan ibadah.

Bab Kelima : Penutup

Di dalam bab yang pertama iaitu bab pendahuluan, penulis akan mengungkapkan permasalahan kajian dan skop perbincangan. Pengertian tajuk serta perumusan masalah yang akan diteliti juga akan diutarakan.

Penulis juga akan memaparkan objektif, matlamat, tujuan dan sasaran utama kenapa penulis memilih tajuk ini

sebagai objek utama untuk diteliti dan dikaji.

Di samping itu dalam bab yang pertama dan pendahuluan ini penulis akan menyatakan cara, kaedah dan methodologi yang digunakan oleh penulis sepanjang pengkajian dan penelitian penulis terhadap tajuk ini. Di akhir bab pertama penulis akan meringkaskan keseluruhan isi kertas projek dan kajian ini dalam satu tajuk iaitu sinopsis.

Di dalam bab yang kedua, iaitu targhib dan tarhib di dalam Al-Quran dan Al-Hadith, maka penulis terlebih dahulu akan mengutarakan pengertian atau definisi sebenar tentang konsep targhib dan tarhib ini.

Bagi memperkemaskinikan lagi penelitian penulis akan memaparkan beberapa tujuan dan hikmah Allah s.w.t. memperkenalkan konsep targhib dan tarhib ini kepada manusia sejagat.

Selepas itu penulis akan meneliti isi kandungan Al-Quran Al-Karim dan Al-Hadith An-Nabawi untuk membuktikan bahawa di dalam kedua-dua sumber ini terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadis yang menyentuh tentang kedua-dua aspek ini.

Dari sini penulis akan membawa contoh-contoh penggunaan targhib dan tarhib di dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Penulis sebenarnya cuba untuk mengkategorikan targhib ini kepada dua iaitu Targhib Maddi Duniawi dan Targhib Maddi Ukhrawi.

Bagi menjelaskan penelitian ini lagi, penulis akan membawa dan menghuraikan beberapa objek penting targhib dan tarhib iaitu syurga dan neraka.

Dalam bab yang ketiga pula, penulis akan berusaha sedaya upaya untuk menjelaskan hubungan yang wujud di antara soal targhib dengan teori motivasi yang ada di dalam ilmu pengurusan dan pentadbiran pada hari ini. Penulis juga akan meneliti dan mengkaji pengaruh kedua-dua konsep ini terhadap amalan dan perjuangan dua daripada jamaah-jamaah Islam yang ada di Malaysia iaitu Jamaah Tabligh dan Al-Arqam.

Selepas itu penulis akan cuba menyorot tentang sikap negatif dan faktor-faktor yang menyebabkan umat manusia tidak mempunyai sebarang perasaan peka dan sensitif apabila berhadapan dengan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis yang menyebut dan menyentuh persoalan targhib dan tarhib ini.

Dalam bab yang keempat pula iaitu bab hubungan targhib dan tarhib dengan aqidah Islamiah dan ibadah, penulis terlebih dahulu akan mengemukakan definisi dan maksud aqidah dan ibadah menurut perspektifnya yang sebenar.

Bertolak daripada definisi ini, penulis akan memperlihatkan kaitan dan perhubungan yang erat di antara targhib dan tarhib dengan aqidah dan ibadah. Penulis juga akan menegaskan bahawa iman dan aqidah yang mendalam adalah merupakan rangsangan dalaman kepada seseorang manusia.

Di samping itu penulis akan menjelaskan bahawa ibadah adalah bukti yang mutlak kecintaan dan ketaatan manusia kepada Allah s.w.t. Serentak dengan itu penulis akan membawa contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat dan salafussoleh.

Dalam bab yang kelima pula iaitu bab penutup, penulis akan memaparkan dan menarik keluar beberapa kesimpulan yang konkrit tentang penelitian dan kajian yang telah dibuat terhadap tajuk ini.

Ekoran dari itu, penulis akan mengemukakan pelbagai alternatif, saranan dan gagasan cadangan yang positif kepada semua pihak dalam usaha untuk mengembalikan kesedaran khususnya dalam menghadapi persoalan targhib dan tarhib serta kebangkitan Islam di tanahair kita yang tercinta ini.